

Menguruskan sisa pepejal dengan sistematik

U.M m/s 8
30.10.07



NADZRI YAHAYA

“ Dalam memastikan pengurusan sisa pepejal dapat dilaksanakan dengan berkesan KPKT mewujudkan Dasar Pengurusan Sistem Pepejal Negara (DPSPN) ”



MASALAH sampah dan sisa pepejal di negara ini menjadi perkara utama yang diberi perhatian oleh kerajaan dalam memastikan masalah ini diatasi dengan cara sistematik. Sering kali media

didedahkan dengan sikap segelintir pihak tertentu membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya sehingga menimbulkan pencemaran di kawasan sekitarnya.

Selain itu, tindakan operator pengutip sampah juga didapati kurang melaksanakan tugas mereka dengan berkesan sehingga mendapat rungutan daripada kalangan penduduk tempatan.

Justeru, satu langkah telah diambil oleh kerajaan apabila menubuhkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 1 Julai tahun 2007.

Ketua Pengarah JPSPN, Dr. Nadzri Yahaya berkata, kerajaan memutuskan untuk memberi kuasa kepada KPKT dalam mengambil alih pengurusan sisa pepejal yang sebelum ini dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan syarikat tertentu.

Menurutnya, satu akta juga diwujudkan iaitu Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal yang akan menyelaraskan dan menguatkuasa supaya masalah

tersebut dapat ditangani dengan berkesan.

"Dengan adanya akta tersebut ia tidak bermakna PBT tidak ada tanggungjawab tetapi mereka juga diberi tanggungjawab memantau pengurusan pepejal yang dikendalikan oleh operator dilantik," katanya.

Di samping itu, beberapa perkara juga turut diberi perhatian seperti kemudahan tong sampah, tong kitar semula, tapak pelupusan sampah dan pengangkutan.

Kewujudan jabatan itu dan dasar yang diperkenalkan tidak bermakna PBT tidak mempunyai tanggungjawab tetapi mereka diberi tugas untuk memantau supaya pelaksanaannya dilakukan dengan berkesan.

JPSPN kini memiliki seramai 70 pegawai dan kakitangan memberi tumpuan terhadap pelaksanaan dasar yang diwujudkan itu.

Katanya, jabatan itu sedang dalam proses menambah pegawai dan kakitangan baru bagi memantapkan operasi JPSPN dengan berkesan.

"Jumlah jawatan yang diperlukan ada sebanyak 2,000 tetapi seramai 49,200 orang memohon menerusi sistem dalam talian jabatan ini," katanya.

Katanya, dengan adanya jumlah pegawai dan kakitangan baru itu maka pelbagai tugas dapat dilaksanakan dan merealisasikan hasrat kerajaan dalam menguruskan sisa pepejal dengan baik.

Dalam memastikan pengurusan sisa

pepejal dapat dilaksanakan dengan berkesan KPKT mewujudkan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSPN).

Dasar tersebut mempunyai dua matlamat iaitu mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mapan dan diterima masyarakat yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar; pemilihan teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan awam.

Matlamat kedua pula adalah melaksanakan PSP berdasarkan Hirarki Pengurusan Buangan yang memberi ketutamaan kepada pengurangan sisa melalui 3R, rawatan perantaraan dan pelupusan akhir.

Dasar itu juga mempunyai enam objektif iaitu pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan kos efektif meliputi kutipan dan pengangkutan, rawatan perantaraan dan pelupusan.

Objektif kedua pula ialah pengurangan sisa pepejal domestik, komersial, industri, institusi, komuniti dan pembinaan melalui 3R.

Seterusnya, perkhidmatan yang efisien dan kos yang efektif melalui penswastan, kawal seliaan cekap dan standard yang seragam.

Pemilihan teknologi yang telah terbukti, mampu bayar dari segi capex dan opex serta mesra alam. Menjamin pemuliharaan alam sekitar dan kesihatan awam serta pewujudan perundangan dan institusi bagi pengurusan sisa pepejal.



KEMPEN kitar semula turut diberi perhatian kerajaan dalam menggalakkan masyarakat tentang kitar semula.